

Bil. 8

Rabu  
27 Mac 2019



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

#### Projek Sistem Kutipan Cukai Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan

**Kementerian Pengangkutan:**

- (i) YBhg Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman,  
Ketua Setiausaha
- (ii) YBhg Dato' Sri Liow Tiong Lai, Mantan Menteri  
Pengangkutan  
(Tempoh Perkhidmatan 25 Jun 2014 hingga  
9 Mei 2018)

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
 PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 27 MAC 2019**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau]  
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Cik Siti Hajar binti Mohd Taib [ Jurubahasa Serentak (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]  
Encik Mohamed Ziadi Zakaria [Pengarah Bahagian Susulan Audit]  
Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Pengarah Audit Melaka]  
Cik Maszura binti Hassan [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Audit Prestasi III)]  
Encik Abdul Rahman bin Abdul Hadi [Penolong Juruaudit (Bahagian Audit Prestasi III)]

samb/-

**HADIR BERSAMA (samb/-)**

**Kementerian Kewangan (MOF)**

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Kawalan Pemantauan]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Kawalan Pemantauan]

**Jabatan Peguam Negara**

YBhg. Datuk Amirudin Abd Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat]  
Puan Chong Li Lian [Peguam Kanan Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Salwa binti Muhamram [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)]

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

Puan Maniza binti Mahfuz [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam]

**SAKSI**

**Kementerian Pengangkutan**

YBhg. Dato' Sri Liow Tiong Lai [Mantan Menteri Pengangkutan]  
YBhg. Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]  
Encik Severinus Tukah [Timbalan Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat]  
Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari [Penolong Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat]

**LAPORAN PROSIDING**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA**

Rabu, 27 Mac 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.28 petang

*[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** Selamat petang dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah iaitu Setiausaha PAC merangkap Setiausaha Dewan Rakyat, selamat petang juga kepada semua ahli Ex-officio PAC Parlimen yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara. Petang ini PAC akan meneruskan prosiding terhadap Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2.

Untuk makluman semua, prosiding kali pertama untuk isu ini diadakan pada 20 Februari 2019 dengan memanggil Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman iaitu Ketua Setiausaha MOT. Selepas mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul, PAC berpendapat adalah amat perlu untuk jawatankuasa ini mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail Bakar iaitu Ketua Setiausaha Negara yang pernah menjawat jawatan Ketua Setiausaha MOT bermula daripada 18 November 2014 sehingga 15 Disember 2015 serta Yang Berbahagia Dato' Sri Liow Tiong Lai yang berkhidmat sebagai Menteri Pengangkutan bermula daripada 25 Jun 2014 hingga 9 Mei 2018.

PAC bagaimanapun meminda tarikh untuk mengadakan prosiding bersama Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail yang dijadualkan pada 26 Mac kepada 3 April 2019 atas sebab Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail perlu hadir ke Majlis Perasmian LIMA 2019 di Langkawi. Hadir di hadapan PAC pada ketika ini adalah Yang Berbahagia Dato' Sri Liow Tiong Lai iaitu mantan Menteri Pengangkutan serta Yang Berbahagia Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan iaitu

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan MOT yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib.

Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Liow kerana dapat hadir di hadapan jawatankuasa ini serta memberi kerjasama penuh kepada PAC Parlimen dalam menjalankan prosiding berhubung isu Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT). Tanpa membuang masa, kita akan mendengar keterangan serta penjelasan daripada Yang Berbahagia Dato' Sri Liow berhubung isu ini.

Dato' Sri, kita akan bagi ruang dan peluang untuk Yang Berhormat memberikan penjelasan. Ini tentulah penjelasan tentang keterlibatan Dato' Sri sebagai Menteri dalam urusan Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan juga Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) ketika Yang Berbahagia Dato' Sri berkhidmat sebagai Menteri Pengangkutan dalam tempoh yang telah dinyatakan.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai [Mantan Menteri Pengangkutan]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Panel PAC yang dapat hadir bersama. Terima kasih kerana menjemput saya untuk memberi peluang kepada saya untuk membantu dalam penyiasatan kes VEP ini.

Pada keseluruhannya, saya perlu menyatakan bahawa projek VEP ini atau RC/VEP adalah satu projek yang amat penting bagi pengendalian dan juga pengurusan kenderaan luar negara terutamanya kenderaan Singapura masuk ke negara kita untuk kita meng-charge, mengutip *road charges*, merekodkan dan juga memastikan bahawa saman-saman mereka dibayar. Menghalang *cloned car*, penyelewengan dan juga masalah kereta yang masuk ke negara lebih daripada tempoh yang diberikan.

So, secara keseluruhannya bahawa projek ini amat penting untuk dilaksanakan. Saya juga hendak terangkan kepada PAC bahawa sebelum saya masuk ke Kementerian Pengangkutan, saya dilantik menjawat jawatan Menteri Pengangkutan pada 27 Jun 2014. Sebelum ini, projek ini telah pun dibincangkan dan juga ditetapkan oleh Kabinet, kemudian ditangguhkan kerana Kementerian Pelancongan minta tangguhkan pada masa satu ketika. Selepas itu, apabila pada pertengahan tahun 2014 iaitu sebelum saya masuk ke kementerian, Singapura mengumumkan akan meningkatkan kutipan caj Singapura, *Malaysian car entering Singapore* daripada SGD20 kepada SGD35.

So selepas itu, Kabinet membuat arahan untuk MOT mengkaji segera dan menghantar *report* kepada Jemaah Menteri. Pada masa itu, selepas itu saya telah pun masuk ke kementerian

dan saya terpaksa mengambil alih projek ini dan juga menguruskan projek ini sebagai satu projek yang perlu dilaksanakan segera.

Pada masa itu seperti mana kita sedia maklum, Kabinet, MOT telah pun membentangkan satu cadangan *paper*, satu kertas kerja kepada Majlis Ekonomi Negara atau *National Economic Council* pada 18 Ogos 2014. *That was after I entered in end of June. So, in August, we tabled the paper immediately.*

Seterusnya pada 27 Mac 2015, Kabinet meluluskan. *You see, whatever tabled in National Economic Council, it has to table in Cabinet. So, whatever discussed in National Economic Council, the decision has to be tabled in the Cabinet.* So, Kabinet pada 27 Mac telah meluluskan bahawa projek ini penting untuk sebagai satu *reciprocal*, tindak balas kepada pengumuman Singapura dan juga kita perlu ada VEP untuk mengawal kenderaan-kenderaan daripada Singapura. Kita luluskan RM20 kutipan caj dan RM5 diaghikan kepada Kerajaan Negeri Johor. Itu keputusan pada 27 Mac.

Selepas kelulusan Kabinet, MOT telah pun mendapat beberapa cadangan. Tidak silap lima syarikat yang berminat untuk menjalankan projek ini. Namun, hanya dua syarikat yang membentangkan kertas kerja dan juga menjalani *proof of concept*. *You have to go through the proof of concept whether they are layak atau tidak layak.* MOT telah pun mengadakan beberapa perbincangan termasuk juga dalam Post-Cabinet kita bincangkan projek ini. Kita diarahkan *in 27 March 2015. That is the Cabinet decision. Cabinet want us to implement it in August.* Kalau boleh hendak segerakan. *You see, we have the decision in March and they want us to implement it in August, 1<sup>st</sup> August 2015.*

So, dalam perbincangan kita di peringkat pegawai dan juga MOT, merasakan bahawa masa itu cukup suntuk. *It is about 4 months plus.* So, kita mencadangkan bahawa projek ini boleh kita gunakan *direct nego*. Itu adalah satu cadangan. Tambahan pula bagi Kementerian Pengangkutan, kita juga mempunyai pelbagai masalah yang kita hadapi dengan *open tender*. *We had an open tender experience with failures.* Contohnya *the KTM, the boom gate for fare collection. Automatic fare collections KTM. It is an open tender and we go through it. We give the lowest bidder and Samsung actually provided all the machines, at last the software cannot fit to the machines and we lost a lot of money there.*

*We have to call second open tender and we still, I think take a long time. Dato' Jana was there, I think my KSU that time, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar was also there. They have gone through the painful experiences. So, we in the meeting that we discussed we can go through maybe direct nego but with a condition. The condition is that the contractors must complete the project. We go with the experiences where the KTM didn't complete the project and they have*

*taken the money. So now this time, we have to complete the project. The project is successful, then only make the payment. So, this is a condition that we put for direct nego.*

*So, I have to, saya perlu menekankan bahawa projek ini apabila diteliti oleh pegawai after the proof of concept, so pegawai mencadangkan kepada saya bahawa TCSens Sdn. Bhd. telah memenuhi semua syarat yang diperlukan oleh MOT. Dengan itu, saya bersukacita menulis surat kepada PM. Selepas itu, KSU menulis surat kepada Kementerian Kewangan dan kita mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada 27 Julai 2015. Cost OPEX dan CAPEX juga telah mendapat kelulusan Kabinet pada 2 September 2015. Oleh kerana projek ini mendesak dan perlu disegerakan, maka kita menggunakan sistem perolehan secara rundingan terus kerajaan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK7.13, 7.13 the government circular.*

■1440

Pihak MOT membuat keputusan berdasarkan kriteria keperluan mendesak dan perlu disegerakan. Kita yakin bahawa keperluan ini adalah keperluan negara untuk kita menjaga kepentingan negara dan *the contract cannot fail. If the contractor failed, they cannot get paid, the contractor shouldn't failed us.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Sorry Dato' Sri, can you repeat the pekeliling again?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Pekeliling is Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, PK7.13. Pekeliling is here. [Sambil menunjukkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia] This is a pekeliling biasa, government circular. For direct nego they ada circular, ia memang fulfill this direct nego punya condition. So, this is a keadaan dia. So, kalau ditanya kenapa TCSens dipilih? Kita kata TCSens kerana dia telah memenuhi semua syarat melalui proof of concept dan juga memenuhi permintaan kerajaan iaitu do first, pay later.

*There is no advance payment. Not like other company which get advance payment. So, as long you fulfil the government requirement dan kita rasa ia adalah penting untuk menjaga kepentingan negara. So, we give an award.*

**Tuan Pengerusi:** On this point Yang Berbahagia Dato' Sri ada tidak menyimpan laporan terhadap cadangan pada siasatan. Siasatan terhadap keupayaan TCSens ini yang dibuat oleh MOT.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya. MOT ada buat, dia ada jawatankuasa meneliti teknikal.

**Tuan Pengerusi:** Who has it now, laporan siasatan terhadap keupayaan TCSens.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** This...

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Kementerian Pengangkutan]:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...I don't have Sir, technical requirement...

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Technical, technical.

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** Technical requirement.

**Tuan Pengerusi:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ada, laporan itu ada dan ditandatangani oleh SUB Darat masa itu. *I think Vijay have the copy and can get from Vijay. Vijay ada copy on the proof of concept. They conduct the proof of concept, I think sometime in 5<sup>th</sup> of June.*

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Dato' Sri, can you remember who headed the evaluation team? This is the one, the proof of concept, everything like the initial report that was given to you. Who headed that team?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** I think it was TKSU. I think that time is technical. Bahagian teknikal is TKSU?

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** I think its Vijay.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Vijay ya?

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** SUB Darat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** SUB Darat, Setiausaha Bahagian Darat.

**Tuan Wong Chen:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Bahagian Darat, ya.

**Tuan Wong Chen:** The name is Vijay isn't?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Vijay ya. So, that was cleared at our officers' level and so we pastikan bahawa TCSens melakukan apa yang dikehendaki oleh pihak kerajaan. So, memandangkan projek ini, perolehan VEP dan RC merupakan projek ulung kali dilaksanakan di Malaysia, it's a first time. We never have this kind of experiences. That is why Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan ada menyatakan bahawa syarikat-syarikat yang bentang pada kita ini semua tidak ada pengalaman.

But only TCSens, they have the technology. Tidak ada pengalaman doesn't mean they don't have the technology, but this company which actually have the RFID technology and also the automated number plate recognition camera, who can link the camera numbers direct to RFID and in fact, it's automatic collection of fare. Whereas TERAS satu lagi syarikat, satu lagi syarikat, TERAS is bawah Touch 'n Go. Touch 'n Go form a syarikat, TERAS come in and tender also, coming to the proof of concept but he couldn't have this camera and he have to use immigration officer manually to look whether this is Singapore car or Malaysian car and expect immigration officer to collect the payment.

So, we say we can't. We get immigration officer say, we won't collect for you because its MOT project and MOT need your own officer to collect. So, we have a lot of negotiation on this

*and that is the reason why the officer peringkat teknikal cadangkan bahawa we need the automation. So, that is why TCSens dipilih pada masa itu untuk kita jalankan.*

*There is Audit report saying that the company is baru diwujudkan, 2012 and also the company tidak ada duit, hanya akaun RM36, right? It's not true. It's totally not true. I think if you further look into it, this company actually they had joint partner with a listed company, Dagang Net and so DNeX and as you know DNeX is all the while providing a single window for all the government services.*

*Also, this company you said that's the financial is weak but they manage to fulfil all the requirement including when we want RM2 million in the account, they provide RM3 million later on. Also, to ensure that this process, kita pun tidak buat bayaran apa-apa pun and they make sure they complete. They have to complete the project. So, I think ada some misunderstanding in the report here, I need to clarify. Because when – I respect the technical committee and kewangan katakan this company tidak ada pengalaman dan sebagainya tetapi memang it's a first RFID project in the country. Memang tidak ada pengalaman, tidak ada syarikat pun ada pengalaman. We never carried it before.*

*But we are not looking just at the pengalaman, we look at the technology yang kita hendak pakai and happened that this company can provide us the technology that we use. So, I need to also clarify this, then we have going to very detail in fact many times to make sure that this company can give us the best for the country, so that they don't failed us. It is because we have a lot of experience with all this other system in the government. So...*

**Tuan Pengerusi:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...I mean you are saying that the Jawatankuasa is headed by the TKSU. What's your role as a Minister?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** No, I am in the Cabinet and Cabinet direct us to speed up the project.

**Tuan Pengerusi:** Are you involved in the technical committee?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** No, no, I am totally not involved at all. Technical, I am not in the – I do not know what so well. Whatever I know is suggestion, all the reports coming to me before I can go to the Cabinet because I cannot write a wrong report to the Cabinet. The report has to be completed and handover to the Cabinet. So, this is what I feel, ya.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Satu question. Dato' Sri, you mentioned just now about the selection committee and you tabled the report to the Cabinet.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, ya.

**Tuan Wong Hon Wai:** So, I believe that you have read through the report...

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yes.

**Tuan Wong Hon Wai:** ...Recommendation by the committee. I believe that the one of the important documents in that report must be who are the shareholders.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** I do not go through that because at that time we are more concern about the details, the technical expertise of this company. So, we are not actually concern about who is the shareholders.

**Tuan Wong Hon Wai:** But do you agree with me, so the shareholders and also directors are very important in terms of selection of this job?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** At that time when the report submitted to us, I am not aware of this and we are more focus on whether this company can do the job or not. So, kebolehan dan juga kepakaran syarikat ini.

**Tuan Wong Hon Wai:** Dato' Sri, I believe that whenever there is evaluation committee, one of the item is very important. Beside capability, beside technical expertise, track record, pay-up model, company information, these are very important information. How can you miss out that very important part?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, I would like to say that, when we write to the Cabinet, we do not know, we didn't go through the detail. I think Dato' Jana you also can verified that.

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** Yang Berhormat, wajaran diberikan kepada semua Yang Berhormat bangkitkan itu, ada wajaran. Doesn't become the main criteria in choosing the company, its more on the performance of the company and the track record they have. More on the technical dan kewangan, itu yang the committee has gone through in detail. So, sememangnya Yang Berbahagia mantan Menteri tidak terlibat langsung dalam meneliti cadangan teknikal dan kewangan yang disediakanlah. Sekadar laporan mengatakan ia lulus atau tidak.

**Tuan Steven Choong Shiu Yoon [Tebrau]:** Okey, saya cuma tidak apalah, saya sokong apa Ahli Parlimen Bukit Bendera kerana ini ada satu syarat, kalau bagi semua syarikat yang mohon untuk disenaraikan di Bursa Malaysia, satu-satu punya adalah semua lembaga pengarah mesti ada pengalaman, mesti ada track record supaya dia boleh dipertimbangkan oleh SC lah untuk disenaraikan. Jadi saya terkejutlah kalau bagi kerajaan, kita dalam corporate governance kita sendiri kita tidak mengamalkan, ini adalah satu kriteria yang sangat penting kerana latar belakang, pengalaman pengarah-pengarah adalah sangat penting. Ini kerana mereka yang uruskan caj syarikat itu.

■1450

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** No. As I mentioned, seperti yang saya tekankan tadi bahawa kita pada masa itu selepas proof of concept, pihak KSU dan juga SUB Darat yang menyampaikan

maklumat mereka lebih menekankan kepada kepakaran dan juga kebolehan syarikat untuk menjalankan projek VEP ini.

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya cuma ingin tahu untuk melaksanakan projek ini selain daripada kerajaan Singapura meningkatkan charge VEP mereka dan juga sudah lama merancang untuk laksanakan VEP dan RC ini, ada apa-apa sebab lain Kabinet mengambil keputusan ketika itu untuk melaksanakan segera? Ini kerana memandangkan situasi ketika itu memang jadi satu beban kepada ekonomi setempat di Johor Bahru dan jadi satu isu *toll war* di antara kedua negara. Jadi, kenapa Kabinet mengambil keputusan seperti itu dan ketika itu?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Kabinet mengambil keputusan ini kerana pertamanya apabila Singapore mengumumkan untuk meningkatkan daripada SGD20 kepada SGD35, mereka tidak memaklumkan kepada kita. Oleh itu kita kena *reciprocate first*. Keduanya, kutipan hasil ini kita sudah bincang dengan Kerajaan Negeri Johor kita akan memberi RM5 kepada negeri Johor dan pihak negeri Johor juga meminta agar dapat disegerakan. Ketiganya, kita sebagai *good neighbours*, Cabinet even direct me to go to Singapore. I have to go to Singapore to see the Minister of Transport Singapore, Khaw Boon Wan dan menyatakan hasrat Malaysia dan mereka menyambut baik. Mereka tidak ada halangan. Mereka kata kerana Singapore telah mula sejak tahun 70-an lagi kutipan ini. Mereka rasa Malaysia mempunyai keperluan, hak kita untuk melaksanakan kutipan charge ini.

So, kita memang melihat bahawa *what you say, toll war between Singapore and Malaysia. We are very careful with the relationship between these two countries.* Saya sebagai Menteri Pengangkutan juga banyak berbincang dengan pihak Singapore bagaimana untuk kita memastikan pihak Singapore tidak meningkatkan tol mereka dengan sewenang-wenangnya. So, we did discuss before we introduce the RM20.

**Tuan Wong Kah Woh:** Okey, Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Boleh saya teruskan? You still got question? Yes.

**Tuan Wong Kah Woh:** I got one question. Just now Dato' Sri mentioning that this TCSens Sdn. Bhd. is related to one of the listed companies which has been supplying whatever bekalan to the government. Can I just confirm its the Dagang NeXchange Berhad that you are mentioning about?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** It is Dagang Net and also DNeX. Both of them DNeX is the listed company, Dagang Net is a subsidiary under DNeX.

**Tuan Wong Kah Woh:** From the documents I have there is one company in by the name of DNEX RFID Sdn. Bhd.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *That one is form between TCSens and DNeX. DNeX owned 51 percent and TCSens 49 percent. The detail I do not know because this was informed by the officer to me.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *I will give you some details here. DNEX RFID Sdn. Bhd. was formed by two companies that is TCSens Sdn. Bhd. and the other company called Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. and I couldn't see the link between these two companies neither with the listed company that you were talking about. Where they have a lot of...*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *But Dagang Net...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Government supplies to the government at that particular time.*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Dagang Net is the subsidiary of DNeX. DNeX is a listed company. I was told that. Anyway, we will double check. I will double check that.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Can Dato' Jana Santhiran confirm this point?*

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** *Sure.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *We have anything in hand?*

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** *We have officer with me.*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari [Penolong Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan, Darat Kementerian Pengangkutan]:** *If I am not mistaken...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Before we move on.*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** *The Dagang Net...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Can we just have the name because as far as Dagang Net is concern we have a lot of names whereby Dagang NeXchange Berhad, the other one is Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. and the company forms of DNEX RFID Sdn. Bhd. So, for the purposes of this PAC I think let us get the names correct.*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** *Okay, okay. For Dagang Net yang from my listening Dagang Net is the...*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Which Dagang Net?*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** *DNeX, Dagang Net only.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *You see, which Dagang Net? We have Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. and we have Dagang NeXchange Berhad. So, which one are you talking about?*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** *I am referring to Dagang NeXchange Berhad.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *The listed company?*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** *That is the listed company.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Okay.*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** Then, under itu ada DNEX RFID which is owned 49 percent by TCSens and 51 percent by the Bhd.

**Tuan Wong Kah Woh:** Nope, nope. Dagang NeXchange Berhad is a listed company. The shareholder for DNEX RFID Sdn. Bhd. is Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. which owns 51 percent.

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** Okay.

**Tuan Wong Kah Woh:** They are two different entities. How do they get linked to each other?

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** I have to check back.

**Seorang Ahli:** Can you write to us?

**Seorang Ahli:** Sure... [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yes, get the detail of this. We do not know, we just informed, we are just informed. We do not know the detail because we are really did not go through the details.

**Tuan Wong Kah Woh:** Maybe Dato' Sri can proceed first.

**Tuan Pengerusi:** Yes, proceed.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yes, I would like to proceed because as we know that the VEP and RC project is actually divided into two parts. Satunya, peringkat pertama adalah road charges. Road charges telah dilaksanakan pada 1 November 2016. Ini pun sudah lewat actually. Actually, the Cabinet want us to introduce in 2015 but because of all this procurement process kita managed to push it through by 1st November 2016. Sehingga kini telah mengutip lebih daripada RM250 juta.

So, this road charges punya sistem, there is no failures. Memang telah pun menepati apa yang ditetapkan oleh kementerian. Namun, VEP peringkat kedua adalah Vehicle Entry Permit iaitu pendaftaran semua kereta Singapore dan luar negara masuk ke negara kita. Projek VEP ini telah ditunda tiga kali kerana terdapat beberapa masalah dari segi integrasi with other agencies and other ministries.

As you know that to register international foreign car we need to integrate with the police, we need to integrate with Touch 'n Go, because we used Touch 'n Go system. So, Touch 'n Go promise to come out with Touch 'n Go wallet so that they can refill the things anytime, Touch 'n Go wallet actually it ready only last year.

So, we also have problem with the uCustoms because we have to integrate dengan uCustoms punya sistem di mana uCustoms langsung delay and delay and delay many years sampai kita tidak boleh tunggu lagi uCustoms. Ketiganya, kita juga kena connect with MBIKE

*system di bawah KDN. Masa itu apabila kita hendak laksanakan VEP ini sepatutnya motorbike sekali kita buat but in the Cabinet, KDN says they want to do. They insist that MBIKE system is under them. It cannot be under us. So, kita Kabinet decide MBIKE so MBIKE under KDN. So sebab itu ada audit report yang kena banyak palang, ada alat-alat yang tidak dipasang kerana apabila kita sudah beli semua MBIKE pula masuk kata kena tunggu mereka punya sistem. So, tidak boleh pasang all the alat itu dan terpaksa kita tangguhkan sehingga MBIKE siap.*

*MBIKE tidak buat lagi. So, these are the, I would say that the masalah ataupun rintangan yang kita hadapi apabila kita laksanakan VEP ini. Bukan sengaja dilewat-lewatkan oleh syarikat mahupun pegawai saya. Pegawai saya, I have been chasing them to speed up to VEP because it is important to collect the summons and also to monitor the cloned car coming to the country. There are a lot of Singapore cars, they dump in Malaysia. So, we have to really ensure that perkara ini tidak berlaku dengan segera.*

*Oleh itu kita dapati dia tertunggak dan tergendala. Tambahan pula, apabila kita sudah isu list RFID tag because we are using VEP kena guna RFID tag to all the Singapore car then masalah agen pemungut pula because at that time JPJ kata they do not want the officer they want the TCSens to supply the RFID to all the Singapore car.*

#### ■1500

*So, TCSens has to be appointed as ejen pemungut before he can distribute the RFID there and he's not given the rights. So, that was when we write to MOF, tunggulah. MOT hendak minta MOF dan MOF tunggu, so tunggu, tunggu. More than one year kita tunggu. I think officer can correct me if I'm wrong. I was told that there is a delay sampai pilihan raya dekat, the project is still not – this is still not complete because of all this tangguh-tangguh yang tidak dapat kita laksanakan dalam masa yang kita tetapkan. This is what I would like to mention but I'll say fortunately, at last this project is complete now. By now, I must say that thank to all the officers and also that we managed to complete the project and sekarang telah pun diserahkan balik sepenuhnya kepada kerajaan untuk laksanakan VEP.*

*So, RC completed long ago. Now, VEP is also completed as of last week or last month. Last week ya?*

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** *Last week. [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Last week I was told, telah pun diserahkan kepada kerajaan dan kerajaan akan laksanakan dengan sepenuhnya. So, these are the things but on top of that I must mention that when their report saying that VPRC is a failed project, satu projek yang gagal. Satu projek yang merugikan kerajaan. I would like to say that it's not true. Ini kerana projek ini*

tidak gagal. Projek ini telah pun dapat mengutip RM250 juta sehingga sekarang dan tiap-tiap tahun lebih daripada RM100 juta. *In years to come, we will be going to collect more than RM100 million a year.* So, ini adalah untuk menguntungkan kerajaan. Projek ini juga berjaya dari segi pendaftaran kenderaan *Singapore and we can collect saman and also monitor the cloned car.*

So, kesimpulannya *I would like to say that this is a successful project*, walaupun ada liku-likunya. Ada halangan-halangan. Ada cabarannya. Ada masalahnya. Akan tetapi, kerana kegigihan pegawai-pegawai MOT, *which I must give a due credit to them*, telah pun menjayakan projek ini dalam masa yang terdekat ini. So, terima kasih. *It is a tough project. I know they have going through a very tough time.*

**Puan Wong Shu Qi:** Dato' Sri, *from what you say bolehkah Dato' Sri setuju bahawa sebenarnya substance projek ini adalah bahagian VEP iaitu bahagian RFID, bahagian VEP dari segi keselamatan untuk control sempadan negara kita.*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, VEP adalah sebuah sistem yang amat penting untuk kita sebab kita hendak *introduce* bukan sahaja *collect money, road charges but* yang paling penting untuk daftar kereta-kereta Singapore. *A lot of people asked me why don't you just get the pendaftaran Singapore's car. Why not you discuss with the Singapore's Minister, get their pendaftaran masuk pada kita sini. I've tried that actually.* Saya pergi jumpa Menteri Singapore, dapatkan pendaftaran mereka. Dia tidak bagi. *I don't think Singapore is so kind to us. They are not giving to us.* So, kita kena daftar kita sendiri. So, apabila kita hendak daftar, kita kena ada sistem dia sebab itu sistem yang kita wujudkan ini pada masa kelak, *I think it will be a very comprehensive system.*

**Puan Wong Shu Qi:** Okey, setuju kah Dato' Sri kalau kita boleh integrasi, ada satu sistem integrasi iaitu satu sistem RFID untuk laksanakan *road charge* bersama juga dengan VEP. Jadi, bukan seperti sekarang kita kutip *road charge* melalui Touch n' Go dan lagi VEP melalui sistem RFID.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Oh ya, saya setuju. Memang pada masa kelak apabila VEP kita *introduce, no more Touch n' Go. They can actually use RFID. Automatik dia pass through the car, no need Touch n' Go, the boom gate will open when the Singapore's car – they pay automatically. That is the system, no more Touch n' Go.*

**Puan Wong Shu Qi:** Ya, tetapi ketika projek ini dilaksanakan kerana *deadline* terlalu dekat, terlalu singkat iaitu terpaksa untuk laksanakan *road charge* dahulu.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya. *The Cabinet insist must collect the money first. We have to collect, whatever due must collect the money first.*

**Puan Wong Shu Qi:** *Why did the Cabinet decide that we must collect the money first?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Because for the country, for our nation. Ini kerana negara perlukan hasil. So, ini adalah untuk meningkatkan hasil negara and we have calculated more than 10 million a month. We have collected more than 10 million a month. So, why wasted 10 million a month?

*That is why when there is a delay and I was – I saw in the report dia katakan kenapa tidak ada value management kerana tidak ada JC, Jawatankuasa ICT kerana tidak bincang. Dia bincang detail but this takes time. So, in the Cabinet when I tabled all these things, so Tan Sri Wahid, you know Tan Sri Wahid is a very serious and very detail people. So, he calculated, no. In the Cabinet he insists, he's the EPU Minister. Dia kata no. The Cabinet insist, so forgo all this process, quickly implement the kutipan terus. So, that is what – the kind of condition that we are in at that time in the Cabinet.*

*So, I perlu terangkan it's not my decision. Whatever it is, it's Cabinet's decision. Apa yang kita lakukan, kita mendapat restu dan kelulusan Jemaah Menteri. Itu yang saya hendak tegaskan even to the details of the value management and also the ICT report. So, I have to tell you but they have to, they want us to make sure that the project jalan. So, they have to work very hard. The officers level has to work very hard to ensure that the projek ini berjaya.*

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya, Dato' Sri. I have a few questions here, perhaps one by one. So, tadi Dato' Sri menyatakan bahawa because the time period given was too short. Cabinet made decision sometimes in March. Things have to be finish by 1<sup>st</sup> of August. Can I just check with Dato' Sri, daripada ingatan Dato' Sri berkenaan dengan projek ini, what has been completed on the 1<sup>st</sup> of August? Because the timeline was 1<sup>st</sup> of August. So, now we want to know because we know that VEP only completed like last month or three weeks ago. Even after our last proceedings on VEP. So, what has been completed by 1<sup>st</sup> of August?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** That is why by 1<sup>st</sup> of August 2015 nothing completed. I have to make a special report, kena bentangkan satu laporan kepada Kabinet pada September to tell them that we are not ready and the Cabinet is actually not very happy with this and they insist that this has to be speed up. So, inilah tekanan-tekanan yang kita terima dan kita tahu bahawa apa-apa juga perolehan tidak kira dia rundingan terus ataupun tender terbuka, they have to go through the process and my officers got to go through the process. I have to inform the Cabinet. So, sebab itu ini telah ditangguhkan kepada tahun 2015.

*So, in March 2015, the Cabinet clear all the costs-lah. Kos-kos termasuk all the costs yang dipohon... [Disampuk] Tahun 2016 ya? We delayed to 2016, I think.*

**Tuan Wong Kah Woh:** So, Dato' Sri my point is, as the Minister for MOT at that particular time, when this Cabinet made a decision in March and they asked you all to rush of the projects

in August 2015. So that is like short, less than five months times. Would you all not feel that it is not viable or not possible to deliver that?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** That is the reason we have to prepare a Cabinet report to inform them that we need more time.

**Tuan Wong Kah Woh:** But that was after the appointment of the contractors and now what the Audit was making noise was because of the appointment of the contractors has to be done by way of direct nego because you all need to settle it by 1<sup>st</sup> of August. But in fact, on the 1<sup>st</sup> of August nothing has been done. So, you got to prepare another set of paper in September to ask for a longer of time or something like that. So that defeats the whole purpose of the direct nego. Do you agree with me on that?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, I'll say that we have tried our best at least we give a good try to inform the Cabinet that we put in all the procedures and the Cabinet understand us. That is why we delayed 2015. From 2015 to 2016.

**Tuan Wong Kah Woh:** Can I just now – sorry Chairman. Dato' Sri also mention there were two companies, five companies that came to you all and eventually two submitted their papers and one is... [Disampuk]

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya. Proof of concepts. They came and attend the proof of concepts, makmal.

**Tuan Wong Kah Woh:** That is called proof of concept.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Proof of concept. Ya.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, there are two companies that one is TERAS and the other one is a – the one who got the project, by the name of TCSens.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yes. Yes.

**Tuan Wong Kah Woh:** So, as far as these two companies are concern. When did they are actually come into picture? I mean to file in, what was the document called proof of concept?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Proof of concept.

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya. When was it?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** The details I don't have it because this is jawatankuasa teknikal. Can a technical...

**Tuan Wong Kah Woh:** Ya.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Bila proof of concept ini dilakukan? Boleh... Because Vijay handle-kan? Maybe we get Vijay. Vijay is outside.

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** Cuma, Yang Berhormat daripada rekod yang saya ada sekarang ya, Yang Berhormat. Cuma sedikit pembetulan, kelulusan MOF diperoleh pada 27 Julai 2015, *right. On 27 of July 2015 and the LOI...*

■1510

**Tuan Wong Kah Woh:** Julai, yes.

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** Julai. *LOI was issued to the company on 4<sup>th</sup> August 2015. So, it's not – first, delivery was not in August. Only the LOI was issued on 4<sup>th</sup> August 2015. At least, that was my record shows.* Kedua, hasil laporan Cadangan Teknikal Kewangan (CTK) telah dibentangkan dalam mesyuarat pada 22 Oktober 2015. So...

**Tuan Wong Kah Woh:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Cadangan tahu kah?

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** *Looking at the viability of the project, looking at the viability of the company, the technical viability and also the financial viability of the company.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *I was asking before the, I mean before the appointment was done. So, there were two companies came in TERAS and also TCSens. So, the question now is why TCSens and not TERAS?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Maybe get Vijay, get the details from him... [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Laporan Jawatankuasa Teknikal, please share with PAC.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Sure.

**Tuan Pengerusi:** Okay, another issue mungkin Dato' Jana mungkin boleh buat clarification. Isu yang di-highlight-kan bahawa *the initial proposal was that amount, RM16 over million and then the project escalate to one hundred over million.* Bila laporan audit dikeluarkan *the public is asking about kenapa begitu banyak penambahan?* Mungkin Dato' Jana elaborate sedikit bagaimana justifikasi di buat? Fasal *the initial project was not up to RM100 million, the initial.* So, mungkin penjelasan ini boleh membantu PAC untuk melihat isu yang di highlight oleh Jabatan Audit.

**Dato' Jana Santhiran a/l Muniayan:** Yang Berhormat, saya terpaksa minta pegawai saya jawab, saya baru...

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada asalnya semasa mesyuarat Jemaah Menteri September 2015 kita ada letak anggaran harga sebanyak RM75 juta lebih kurang termasuk CAPEX dan OPEX. Namun semasa kita membentang kepada Jemaah Menteri itu kita masih belum mengemas kini *statement of*

needs kita. So, dalam *statement of needs* yang kita serahkan kepada syarikat adalah pada bulan Ogos iaitu sebelum mesyuarat Jemaah Menteri. Kita serahkan *statement of needs*.

Ada beberapa perkara baharu yang kita perlukan daripada projek tersebut. Contohnya, kita ada keperluan untuk menyediakan kaunter sementara untuk penyediaan *RFID tag*, lepas itu kita ada peningkatan kos kakitangan. Kalau ikutkan dekat sini kita tambah lorong, daripada 62 lorong kepada 114 lorong untuk pelaksanaan VEP dan telah menyebabkan penambahan daripada 27 orang kepada 135 orang. Lepas itu, sebelum itu kita mempunyai perancangan untuk sistem ini dijalankan oleh kakitangan JPJ. Namun setelah mengadakan perbincangan dan kerana kekangan perjawatan kita serahkan sepenuhnya operasi kepada pihak syarikat di bawah OPEX.

Lepas itu, kita ada peningkatan juga dari segi penyelenggaraan. Bila masa lorong bertambah, peralatan akan bertambah dan menyebabkan penyelenggaraan akan bertambah juga. Itu adalah salah satu faktor.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Tuan Pengerusi, boleh saya tanya dua soalan? Okey, saya menunggu Dato' Sri Liow Tiong Lai...

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, sorry.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Okey, saya cuma hendak tanya kerana rumusan penemuan Audit Negara ada sentuh dua perkara. Tadi saya tanya mengapa tadi Dato' Sri ada kata untuk mengkaji pengalaman kontraktor yang tersebut. Jadi tidak melihat lembaga pengarah dan juga siapa pemegang syer. Akan tetapi sini ada laporan dari Ketua Audit Negara yang menyatakan bahawa Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan yang berkaitan sudah memutuskan atau menyoalkan keupayaan teknikal dan juga kemampuan kewangan syarikat itu.

Laporan Jawatankuasa yang diadakan pada 15 Oktober 2015 berpendapat kontraktor tiada pengalaman dalam bidang berkaitan dan baru ditubuhkan pada 9 Mac 2012. Jadi ini adalah laporan dari Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan. Jadi nampaknya ada bertentangan dengan apa yang sudah diputuskan oleh Jemaah Menteri. Jadi apa alasan yang boleh diberikan kepada PAC? Mengapa Jemaah Menteri mengambil satu keputusan yang bertentangan dengan laporan daripada Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Mengikut laporan yang saya dapat ini daripada pegawai. Ini semua dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan, menerangkan bahawa syarikat ini diwujudkan pada tahun 2012 dan tiada pengalaman. Memang telah pun saya tegaskan memang tidak ada, *there is no complaint*. Semua syarikat yang tampil ke hadapan memang tidak ada pengalaman dalam melaksanakan sistem *RFID* dan *camera automated recognition number plate*.

Akan tetapi, mereka kemudian dapati bahawa syarikat ini mempunyai teknologinya. *Where they have this technology, they can assist us. So, pengalaman dan kebolehan teknologi is two different things. So, I don't deny this paper because I was told memang from them even the financial part then they request for adding in additional RM2 million as what they have fulfilled before. This was done before the SST was issued. So, we are very detail. Kalau tidak fulfil this one then they won't get the LOA, dia tidak akan dapat LOA. So, unless the company fulfil all the requirements termasuk what you say, just now you say pengalaman dan juga dari segi kewangan.*

*So, I would say that memang audit dilakukan oleh Jawatankuasa ini memang tepat tetapi tidak bercanggah dengan apa yang kita putuskan because at the end of the day a lot of company do not have an experience but they can do well also in the job. So, this is apa yang telah pun kita tetapkan dalam Jawatankuasa kita.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Soalan saya yang kedua adalah penemuan audit juga ada sebut. Perenggan 42, kontrak OPEX tidak dibenarkan menyerahkan atau memindahkan kepada pihak ketiga kesemuanya atau mana-mana manfaat atau obligasi di bawah kontrak OPEX tanpa kebenaran bertulis daripada kerajaan terlebih dahulu. Akan tetapi, pada 13 Januari 2017 kesemua tugas atau kerja-kerja sudah diserahkan kepada subkontraktor. Jadi ini kelihatan ada bertentangan dengan kontrak yang sudah ditandatangani di antara kerajaan dengan TCSens. Jadi apa?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Saya juga difahamkan oleh pihak pegawai *because these are all operational issues. Actually, I don't have to answer but as far as I know, just to answer your curiosity bahawa TCSens sign contract with the MOT.* Dalam kontrak itu tidak ada clause yang mengatakan dia tidak boleh outsource kepada syarikat lain.

Akan tetapi, mereka apabila berbuat demikian telah ditegur oleh Kementerian Pengangkutan untuk mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. *So, they are waiting for the approval. I was told, TCSens menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan sama ada boleh outsource kepada pihak ketiga. Itu pun bukan pihak ketiga kerana syarikat itu DNEX RFID adalah syarikat yang ditubuhkan oleh TCSens dengan Dagang Net? Dengan apa DNEX? I am not sure. Dia ada company, its form.*

*Actually, it is not pihak ketiga pun tetapi ialah in actual sign pihak ketiga but they still have to wait for kelulusan Kementerian Kewangan. So, kalau tidak ada kelulusan kewangan then they cannot implement it, itu sahaja.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ini bermakna ada kelulusan dari Menteri Kewangan. Jadi ada hitam putih untuk membuktikan kelulusan sudah dapat dari...

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *I was told ia tidak ada kelulusan kemudian ia sudah batalkan. They have actually terminated the contract.*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** *Oh! Terminated the contract.*

■1520

**Tuan Wong Kah Woh:** *So, who are actually running the system now?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Now is under JPJ. JPJ is running the system.*

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] TCSens.*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Oh! Maintenance is still under TCSens.*

**Tuan Wong Kah Woh:** *Maintenance, yes? TCSens?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *TCSens, five years... [Tidak jelas]*

**Tuan Wong Kah Woh:** *So, DNEX RFID Sdn. Bhd. is no longer in the picture?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *No longer in the picture, yes. You please check, you please double-check because I was told only. Really, I tidak mahu nanti beri maklumat yang tidak betul.*

**Tuan Wong Chen:** *So, just, just to confirm Dato' Sri, you're saying that the subcontract given to DNEX RFID did not happen?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *It happened but didn't get the kelulusan.*

**Tuan Wong Chen:** *So?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *Then now they had to revert it.*

**Tuan Wong Chen:** *So, they actually did the work? The subcontractor did the work?*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** *I'm not sure that one. [Ketawa] I'm not sure.*

**Tuan Wong Chen:** *This is because as far as I can see, we've not seen a single evidence to show that TCSens can actually have the capacity to do this. RFID, the Dagang Net, we understand they have some capacity. Right? So, I need to know very basic question, what happened? The subcontractor did any work or not? If it reverts back, that's fine. Yeah. That's just a legal position but I would imagine that the DNEX RFID actually did most of the work. Is that true?*

**Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari:** *Kalau ikutkan kepada itulah, teguran Audit, laporan audit, sememangnya memang dua hari selepas keluar SST daripada MOT memang pihak TCSens telah mengeluarkan satu surat kepada pihak DNEX RFID untuk menjalankan sepenuhnya operasi. Akan tetapi, semasa itu kontrak dengan pihak kementerian yang mengatakan klausa 42 tidak boleh subkontrak kepada pihak lain itu belum ditandatangani, yang ada ikatan antara pihak kementerian dan juga TCSens hanyalah SST dan SST itu tidak menyatakan bahawa tidak boleh subkontrak.*

Namun begitu, apabila kontrak ditandatangani pada Mei 2018, pihak syarikat telah memohon supaya perkara ini dibenarkanlah disebabkan kontrak *sign* selepas SST dan pihak kementerian telah memutuskan pada Mesyuarat PEMANDU Bilangan 1 tahun ini supaya tidak meluluskan. Pihak syarikat perlu *layoff* DNEX RFID daripada... [Disampuk]

